

**IKLAN JAWATAN KOSONG STAF PENTADBIRAN  
KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN PELAKSANA**

Universiti Sultan Zainal Abidin merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan **(TETAP)** di Hospital Pengajar UniSZA sepertimana berikut:

BIL.	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>					
1.	PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN (PERTUTURAN)	U41	PERUBATAN & KESIHATAN	RM 2,429.00	RM 9,656.00
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>					
2.	JURU X-RAY	U36	PERUBATAN & KESIHATAN	RM3,590.00	RM7,605.00
3.	PENOLONG PEGAWAI FARMASI	U32	PERUBATAN & KESIHATAN	RM2,331.00	RM6,394.00

**KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**1. PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN (PERTUTURAN) (U41)**

1. Calon bagi lantikan jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
  - (c) (i) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pemulihan perubatan (pertuturan) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan ini hendaklah Lulus dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## SYARAT TAMBAHAN

Keutamaan diberikan kepada calon dalam bidang pemulihan perubatan (**Pertuturan**) dan mempunyai pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

### KUMPULAN PELAKSANA

#### 2. JURU X-RAY (U36)

1. Calon bagi lantikan jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
  - (c) (i) Diploma dalam bidang radiografi, pengimejan perubatan, radioterapi atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan ini hendaklah Lulus dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf denganya oleh Kerajaan.

#### SYARAT TAMBAHAN KENAIKAN PANGKAT

Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **enam (6) tahun** pengalaman sebagai Juru X-Ray Gred U32 dalam perkhidmatan awam di hospital kerajaan atau klinik kesihatan.

#### 3. PENOLONG PEGAWAI FARMASI (U32)

1. Calon bagi lantikan jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
  - (c) (i) Diploma dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan ini hendaklah Lulus dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf denganya oleh Kerajaan.

## **SYARAT TAMBAHAN KENAIKAN PANGKAT**

Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **enam (6) tahun** pengalaman sebagai Penolong Pegawai Farmasi Gred U29 dalam perkhidmatan awam di hospital kerajaan atau klinik kesihatan.

## **PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

- (a) Setiap pemohon **MESTILAH** memuat naik gambar berukuran pasport dan sijil-sijil yang berkaitan. Kegagalan pemohon berbuat demikian akan menyebabkan **PERMOHONAN TIDAK AKAN DIPROSES**.
- (b) **Pemohon hanya boleh memohon satu jawatan sahaja.**
- (c) Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (d) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan jawatan adalah dianggap tidak berjaya.

## **PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan/ Badan Berkanun hendaklah mengemukakan permohonan bersama satu salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan salinan Laporan Prestasi Tahunan (3 tahun berturut-turut) ke alamat seperti berikut:

**Pusat Pembangunan Hospital Universiti  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
Terengganu Darul Iman**

## TATACARA PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*on-line*) melalui pautan di bawah; [www.unisza.edu.my](http://www.unisza.edu.my)
- (b) Permohonan yang **lewat diterima dan tidak lengkap tidak akan diproses**. Adalah menjadi **TANGGUNGJAWAB** calon untuk memastikan semua maklumat lengkap diisi sebelum menekan butang “**Hantar**”.
- (c) Sebarang pertanyaan mengenai perjawatan bolehlah menghubungi Pusat Pembangunan Hospital Universiti di talian 09-668 8393/8939/8790 dan jika terdapat masalah teknikal semasa pengisian borang, sila hubungi pihak Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian di talian 09-668 8848 / 8839.
- (d) Tarikh iklan permohonan adalah pada **30 Disember 2021 – 6 Januari 2022**.

Fail : UniSZA.C/2/PPHU/294-1/3 Jld.9 (10)  
Bertarikh : 29 Disember 2021